

Kepemimpinan Orang Bukan Islam dalam Kerajaan Islam Menurut Perspektif *Fiqh*

Mohd. Hapiz Mahaiyadin
Roshaimizam Suhaimi
Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam
UiTM Cawangan Pulau Pinang

Kertas kerja ini menghuraikan tentang peranan rakyat bukan Islam dalam pentadbiran kerajaan. Mereka dianggap sebahagian daripada rakyat negara Islam yang menikmati hak dan keistimewaan di samping memikul tanggungjawab sama seperti orang Islam. Sebagai rakyat, mereka memperoleh pelbagai hak rakyat negara Islam termasuk hak berpolitik kerana mereka adalah rakan pembangunan negara dan tamadun Islam. Tamadun Islam mencatatkan berlakunya partisipasi rakyat bukan Islam dalam pentadbiran kerajaan sama ada sebagai pemimpin, pembantu atau guna tenaga pakar selain dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial, dan kesihatan. Keadaan ini banyak terjadi pada zaman kerajaan Islam Umayyah, Abbasiyyah dan juga Uthmaniyyah. Namun penglibatan mereka mendapat perhatian para fuqaha' yang disorot daripada perspektif Fiqh. Penglibatan politik bukan Islam dibenarkan tetapi tertakluk kepada beberapa syarat dan peraturan tertentu. Asas utama yang ditekankan ialah sejauh mana tercapainya faktor 'masalah' umat Islam di sebalik penglibatan mereka dalam pentadbiran hal ehwal kenegaraan.

This paper will discuss on participation of non-Muslim citizen in state administrative. Becoming a part of Islamic State citizenship, they have the same rights and responsibilities that were given to Muslims. Hereby, they will have a political right to contribute for the state development as well as for Islamic civilization. In the previous Islamic Civilization world, the existence of non Muslims have contributed in the state administration as a leader, assistant and used their expertise in the development of education, health and economical status. These were observed during the era of Umayyah, Abbasiyyah dan Uthmaniyyah. Surprisingly, their participation attracted many Islamic jurists to express their opinions from fiqh perspective. Their political

participation is encouraged, in accordance with the terms and regulations. In that case, the most important thing to be emphasized is to protect the masalah of Muslims citizen.

Kata kunci: *khilafah, wilayah, bukan Islam, masalah dan politik.*

Pendahuluan

Institusi *al-khilafah* dan *al-imamah* mempunyai hubungan integral dengan dinamisme tamadun Islam. Ia merupakan institusi yang memperkasakan ‘*establishment*’ tamadun dari sudut pembangunan fizikal dan infrastruktur, pelaksanaan syiar-syiar Islam, pengembangan pendidikan, penerapan nilai-nilai murni, pemantapan sistem pertahanan dan kelestarian hidup yang harmoni.

Justeru, penglibatan politik golongan bukan Islam dalam melaksanakan tugas seperti di atas, mendapat perhatian khusus para fuqaha’ dalam polemik *fiqhiy* dengan hujah dan rasionaliti masing-masing. Imam al-Mawardi dalam *al-Ahkam al-Sultaniyyah* membolehkan orang bukan Islam (*ahl al-dhimmah*) dilantik sebagai *wazir al-tanfiz* dalam kerajaan Islam. Manakala Imam al-Haramayn, pengarang kitab *Giyath al-Umam Fi Iltiyath al-Zolam*, seorang faqih sezaman dengannya melarang perlantikan mereka. Khilaf tersebut telah mewujudkan dua aliran di kalangan para ulama’ berhubung hukum melantik orang bukan Islam menjadi pemimpin. Ini kerana institusi *al-khilafah* dan *al-imamah* mempunyai hubungan secara langsung dalam pentadbiran hal ehwal umat Islam dan agama mereka.

Ditinjau dari sudut lain, hakikat ini menunjukkan keterhadapan tamadun Islam dalam membahaskan isu-isu fundamental dalam proses pembinaan ketamadunannya terutama berkaitan politik. Tamadun Islam juga telah berjaya merungkaikan hak politik golongan minoriti. Satu hak asasi penting yang sering diabaikan kebanyakan regim pemerintahan pada hari ini di mana golongan minoriti sentiasa dianggap sebagai mangsa penindasan di negara mereka sendiri.

Institusi Khilafah Sebagai Jentera Pentadbiran dalam Negara Islam

Di dalam kitab-kitab Fiqh tradisi, perbincangan tentang politik Islam dan *Siasah Syar’iyyah* dihuraikan di dalam tajuk *al-khilafah* atau *al-*

imamah. Tajuk ini menjadi kunci utama dalam perbincangan mengenai konsep kepemimpinan dan sistem pemerintahan dalam tamadun Islam. Para fuqaha' sering menggunakan kalimah *al-Imāmah* dan *al-Khilāfah* makna kepemimpinan Islam.

Al-Māwardī (t.th) mendefinisikan *al-Imāmah* sebagai tanggungjawab menggantikan Nabi SAW bagi menjaga urusan agama dan mentadbir dunia. Manakala menurut al-Taftāzānī, iaitu kepemimpinan utama (*Ri'āṣah 'Ammah*) dalam urusan agama dan dunia sebagai menggantikan tugas-tugas kenabian (Al-Zuhayli, 1989).

Ibn Khaldūn (1993) metakrifkan kepemimpinan berasaskan kalimah *al-khilāfah* sebagai menundukkan manusia kepada kehendak syarak di dalam kepentingan berkaitan dengan soal ukhrawi dan duniawi, kerana kepentingan duniawi pada pandangan syarak dinilai berasaskan kepada kepentingan ukhrawi. Khalifah merupakan pengganti Nabi SAW untuk melindungi agama dan politik dunia.

Institusi khilafah atau imamah dianggap simbol kekuatan politik yang memayungi Islam dan seluruh umatnya, dan pada masa yang sama menjadi jentera pentadbiran kerajaan yang memimpin dan membangunkan peradaban dan tamadun Islam. Dengan diterajui khalifah atau imam, bersama para menteri (*wuzara'*) dan para gabenor wilayah, institusi khilafah memainkan dua fungsi utama seperti dinyatakan ulama' iaitu pertama; *Hirāsat al-Dīn* iaitu menegak dan menghidupkan syiar-syiar Islam secara komprehensif dan menghapuskan elemen kesesatan agar seluruh rakyat mentaati Allah SWT. Keduanya; *Siyāsah al-Dunyā* iaitu mentadbir dan mengendalikan hal ehwal dunia berlandaskan prinsip-prinsip Islam.

Politik dan pemerintahan termasuk kewajipan dituntut Islam, yang mempunyai signifikan tersendiri dalam kehidupan umat Islam. Hukum melantik pemimpin adalah fardu kifayah dan wujudnya kepemimpinan adalah untuk memastikan pelaksanaan dan penguatkuasaan sebahagian besar hukum syariah berlaku dengan sempurna dalam tamadun Islam (Mawardi t.th; Ibn Khaldun, 1993).

Selain itu, terdapat beberapa objektif kepemimpinan Islam seperti dinyatakan Muhammad Yūsuf Mūsā (t.th) iaitu menjadi mekanisme penyatuan umat Islam, menyediakan infrastruktur kehidupan sempurna, menjaga keselamatan negara dari sebarang ancaman, kezaliman, menjamin persamaan hak dan tanggungjawab rakyat, juru cakap bagi pihak Islam kepada rakyat, mempertahankan syariat Islam, membasmi gejala-gejala syubhat dan menyekat pengaruh golongan sesat (*mulhid*) dan ekstrimis.

Syarat-syarat Khilafah dan *Wizarah*

Terdapat dua jenis autoriti atau *al-wilayah* dalam politik Islam iaitu *Wilāyah ʿAmmah* dan *Wilayah Khassah*. *Wilayah ʿAmmah* memberikan kuasa penuh dari segi pembuatan keputusan, polisi, dasar dan penggubalan undang-undang serta berkaitan perlantikan dan pemecatan menteri dan para pegawai kerajaan. *Wilayah Khassah* ialah autoriti terhad yang hanya bertindak sebagai pelaksana kepada suatu dasar atau keputusan kerajaan.

Menurut Muhammad al-Sādiq ʿAfifi (1980) di dalam sistem pemerintahan Islam waktu itu, *al-Khilāfah* merupakan jawatan tertinggi kerajaan dan diikuti *al-Wizārah* dan jawatan-jawatan lain.

Khalifah adalah jawatan tertinggi di dalam pentadbiran kerajaan Islam. Autoriti yang dimiliki khalifah disifatkan sebagai *Wilāyah ʿAmmah*. Di sudut administratif, khalifah boleh melantik para pembantu bagi mentadbir kerajaan kerana beliau tidak mungkin dapat menjalankan seorang diri. Para jemaah tadbir ini disebut *al-Wuzaraʿ* (menteri-menteri).

Syarat-syarat *khalifah* menurut al-Māwardī ialah adil, mempunyai kemampuan berijtihad, sempurna pencaindera dan anggota dari kecacatan, bijak dalam pengurusan rakyat dan pentadbiran, memiliki keberanian dan kekuatan untuk melindungi negara dan berjihad, dan yang terakhirnya berketurunan Quraysh. Selain beliau, terdapat beberapa orang ulama lain seperti al-Baghdādī, Imām al-Haramayn (1950), Ibn Hazm (t.th) dan Qādī Abū Yāʿlā (1924) turut mengemukakan sejumlah syarat yang hampir sama.

Al-Wizarah merupakan jawatan kedua terpenting dari segi hierarki politik dan pentadbiran. Diwujudkan untuk membantu khalifah menjalankan tugas-tugas negara. Penjawat jawatan tersebut dikenali *al-wazir*. Terdapat dua jenis iaitu *Wizārat al-Tafwid* dan *Wizārat al-Tanfīz*. Setiap satunya mempunyai autoriti berlainan berdasarkan tauliah kuasa daripada khalifah. Justeru syarat-syarat kelayakannya juga berbeza.

Wazir al-Tafwid ialah menteri berkuasa penuh yang menjalankan segala urusan pentadbiran kerajaan atas tauliah khalifah, mengikut budi bicara dan ijtihad sendiri. Dari segi kuasa politik, *wazir al-tafwidh* berhak (مستقل) menjalankan pemerintahan dengan tauliah khalifah untuk membentuk jemaah menteri eksekutifnya sendiri dan melucutkan jawatan mereka tanpa perlu merujuk terlebih dahulu kepada khalifah. Menurut al-Rays (1997) pada hari ini ia boleh samakan dengan jawatan Perdana Menteri. Maka syarat-syarat wazir ini seperti khalifah kecuali syarat

berbangsa Quraysh. *Wazir* ini perlu memiliki pengalaman, kemampuan dan mempunyai kemahiran dalam jawatan yang disandang olehnya. Berdasarkan ikhtisas dan syarat-syaratnya, kuasa *wazir al-Tafwid* bersifat *wilāyah ʿammah* seperti kuasa khalifah kecuali di dalam beberapa perkara.

Kedudukan *wazir al-tanfiz* lebih rendah berbanding *Wazir al-Tafwid*. Mengenai kuasa dan tugasnya, wazir ini hanyalah melaksanakan segala arahan khalifah dan kerajaan sahaja. Beliau tidak memiliki sebarang kuasa pentadbiran yang boleh mentadbir berdasarkan budi bicara sendiri seperti *Wazir al-Tafwid*. Jika dilihat dari sudut ini, *wazir* ini hanya berperanan sebagai orang perantara di antara khalifah dan rakyat yangewartakan perintah kerajaan kepada rakyat dan menyampaikan pula kehendak rakyat kepada kerajaan (Mawardi. t.th; Abu Ya'la, 1924).

Berdasarkan kedudukan seperti ini, maka syarat-syarat *Wazir al-Tanfiz* tidak terlalu ketat. *Wazir al-Tanfiz* mestilah memiliki syarat-syarat seperti amanah, bercakap benar, tidak tamak haloba, peribadi yang baik dengan masyarakat, ingatan yang kuat, pintar, tidak mempunyai kepentingan peribadi. Jika ia diminta oleh khalifah untuk memberikan pandangan maka disyaratkan pula mesti mempunyai pengalaman dan kepakaran. Menurut al-Māwardī dan Abū Yaʿlā *Wazir al-Tanfiz* boleh dijawat oleh orang bukan Islam, golongan hamba dan tidak juga disyaratkan sebagai mempunyai tahap keilmuan tinggi seperti *Wazir al-Tafwid* (Mawardi. t.th; Abu Ya'la, 1924).

Berdasarkan struktur administratif seperti huraian al-Mawardi dan Abu Ya'la, jawatan *wazir al-tafwidh* dan *wazir al-tanfiz* merupakan jentera pembantu kepada khalifah dalam pentadbiran kerajaan. Dari segi autoriti dan bidang kuasa pula, *Wazir al-Tafwid* menteri berkuasa penuh sementara *Wazir al-Tanfiz* tidak memiliki kuasa untuk mengeluarkan perintah apatah lagi terlibat dalam pembuatan keputusan dan penggubalan polisi kerajaan. Kuasa *wazir al-tanfiz* hanya *wilāyah khassah*.

Kesimpulannya, jelas menunjukkan Islam merupakan prasyarat utama bagi setiap jawatan kerajaan. Fuqaha' bersepakat bahawa pemegang jawatan *Wilāyah ʿAmmah* seperti *khalifah* dan *wazir al-tafwid* mestilah beragama Islam begitu juga dengan *wazir al-tanfiz*. Namun begitu al-Mawardi dan Abu Ya'la memberikan kelonggaran kepada syarat *wazir al-tanfiz* dengan membolehkan orang bukan Islam menjawat jawatan tersebut. Dalam bahasa lebih mudah, ruang penglibatan bukan Islam hanya berlaku di dalam jawatan *Wazir al-Tanfiz* bukannya *khalifah* dan *Wazir al-Tafwid*.

Kepemimpinan Bukan Islam Menurut Perspektif Fuqaha'

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, perlantikan orang bukan Islam dalam kerajaan suatu isu besar yang dibahaskan para fuqaha' disebabkan kaitan jawatan-jawatan kerajaan dengan masalah Islam dan umat Islam. Pada dasarnya ia diterima sebagai satu polisi kerajaan yang tertakluk kepada masalah semasa dan beberapa pertimbangan politik yang difikirkan kerajaan Islam. Jika dibandingkan dengan kerajaan tamadun asing pada waktu itu, polisi yang membenarkan etnik minoriti terlibat dalam pentadbiran kerajaan adalah amalan tidak popular. Golongan minoriti selalunya dianggap liabiliti kepada kerajaan etnik majoriti.

Asas Persepakatan Fuqaha

Fuqaha menetapkan Islam merupakan syarat utama bagi setiap jawatan bersifat *Wilāyah ʿAmmah* dan jawatan berbentuk keagamaan. Justeru, *ahl al-Dhimmah* tidak boleh dilantik ke jawatan-jawatan seperti imam, khalifah, *wizārah al-Tafwid*, perundangan, kehakiman, ketenteraan dan beberapa jawatan-jawatan yang berbentuk keagamaan (*al-Manāsib al-Dīniyyah*) (Al-Juwaynī, 1950; Ibn Hazm. t.th.; Al-Baghdādī, 1981; Al-Māwardī, t.th; Al-Farrā', 1924).

Aliran Fuqaha' yang Membenarkan

Menurut majoriti fuqaha', orang bukan Islam boleh dilantik ke dalam kerajaan sebagai *Wazir al-Tanfiz* atau sebarang jawatan selain daripada jawatan *Wilayah ʿAmmah*. Aliran ini terdiri daripada Imam al-Māwardī (1950), Qādī Abū Yaʿlā (1924), al-Kharqī, dan beberapa tokoh pemikir Islam semasa seperti Yusof al-Qaradāwi (1983), Diyā al-Dīn al-Rays (t.th), Muhammad Salām Madkūr (1983), Muhammad Farūq al-Nubhānī (1988). Antara ulama yang membenarkan pihak kerajaan menerima bantuan rakyat bukan Islam ialah Imam Ahmad bin Hanbal, al-Kharqī, al-Shāfiʿī (al-Nawawi. t.th), al-Awzaʿī, Abū Hanīfah dan para sahabatnya serta golongan ʿItrah (Al-Shawkani. 1993).

Hujah daripada Al-Quran dan Sunnah

Aliran ini berhujah ayat-ayat al-Quran seperti ayat 28 dan 118 surah Al Imran yang melarang orang bukan Islam dilantik menjadi pemimpin

hanya ditujukan kepada orang kafir *harbi* iaitu golongan yang menentang Islam. Ini berdasarkan sebab-sebab turun (*asbab al-nuzul*) ayat tersebut. Aplikasinya tidak terpakai ke atas orang kafir *dhimmi* yang sememangnya hidup dalam negara Islam dan tertakluk kepada semua polisi dan dasar kerajaan Islam.

Menurut Rashīd Ridā (1993) larangan melantik orang kafir sebagai pemimpin tidak bersifat mutlak tetapi *ditaqyidkan* dengan beberapa ciri yang menjadi sebab kepada larangannya. Terdapat empat ciri sebagai alasan pengharaman tersebut iaitu orang bukan Islam mempunyai hasrat untuk menghancurkan Islam, suka melihat umat Islam sengsara, mempunyai perasaan benci dan hasad dengki mendalam terhadap umat Islam. Oleh itu, jika ciri-ciri tersebut tidak ada pada orang bukan Islam, mereka akan dikecualikan dari skop larangan tersebut.

Berdasarkan penjelasan di atas, kedudukan *Wazīr al-Tanfīz* bukan Islam tidak boleh diertikan sebagai “*bitanah*” seperti dalam ayat 118 surah al-Imran. Wazir tersebut bukanlah pemegang rahsia kerajaan yang mutlak sebaliknya menjadi pelaksana bagi pelan tindakan yang ditetapkan kerajaan.

Terdapat banyak hadith menceritakan Rasulullah SAW pernah mengupah seorang lelaki kafir menjadi juru pandu jalan, menerima bantuan peralatan perang Safwan bin Umayyah, dan mengarahkan umat Islam membayar gaji kepada orang bukan Islam jika mereka diambil sebagai pekerja.

Imam Bukhārī meriwayatkan dari Aishah r.a.¹ berkata;

“Nabi SAW dan Abū Bakr pernah mengupah seorang lelaki dari Banī al-Dayl sebagai juru pandu jalan walhal dia beragama orang kafir Quraysh”.

(H.R Bukhari)

Riwayat Ibn Ishāq hadith yang mengisahkan bantuan material dari seorang kafir bernama Safwān bin Umaiyyah kepada Rasulullah SAW.²

“Rasulullah SAW mendapat berita bahawa Safwān bin Umaiyyah mempunyai perisai dan senjata lalu Baginda SAW menghantar utusannya dan sewaktu itu beliau masih musyrik. Baginda SAW meminta perisai dan senjata yang dimilikinya. Safwān bertanya: Apakah ini rampasan? Nabi SAW menjawab: Ia hanyalah pinjaman yang dijamin. Safwān meminjamkan kepada Baginda seratus buah perisai di samping keperluan senjata yang mencukupi”.

(H.R Abu Dawud dan al-Bayhaqi)

Al-Kharqī mengemukakan sebuah hadith di mana Nabi SAW bersabda;

Bermaksud; “*Tidak diberikan sedekah kepada orang kafir dan hamba melainkan jika mereka menjadi pekerja, maka mereka akan dibayar mengikut kadar kerja mereka*”³.

Hadith-hadith tersebut merakamkan bahawa kepakaran orang bukan Islam telah dimanfaatkan Rasulullah SAW. secara bijaksana sehingga menguntungkan pihak Islam. Berhubung dengan perkhidmatan orang bukan Islam, mereka mempunyai hak mendapatkan gaji atau bayaran di atas kerja dilakukan. Ini bermakna pihak pemerintah boleh melantik mereka menjalankan tugas untuk negara seperti *wazīr al-Tanfīz* dan mereka juga berhak mendapat gaji di atas tugas mereka.

Selain itu, terdapat lagi dua hadith menjelaskan terdapat bukti yang menyatakan Rasulullah SAW sendiri pernah menerima dan meminta bantuan orang bukan Islam. Kisah Qazman yang berperang bersama pasukan tentera Islam di mana dia berjaya membunuh seramai tiga orang pemimpin tentera musyrikin. Rasulullah SAW yang menyaksikan kesungguhan beliau telah bersabda;

Maksudnya, “*Sesungguhnya Allah menguatkan agama ini (Islam) dengan seorang lelaki yang jahat (fājir)*”⁴.

Riwayat Imam al-Zuhrī yang menceritakan Nabi SAW meminta pertolongan orang Yahudi Khaybar dalam suatu peperangan dan Baginda SAW juga turut memberikan peruntukan daripada harta rampasan (*ghanimah*) kepada mereka (Al-Shawkani, 1993).

Apa yang pastinya penglibatan mereka bersama-sama dengan pasukan Islam dilihat sebagai suatu tindakan positif oleh pemimpin umat Islam sewaktu itu iaitu Rasulullah SAW sendiri kerana dapat menjaga masalah agama, keselamatan nyawa dan harta umat Islam serta masyarakat Madinah daripada ancaman musuh.

Aliran Fuqaha' yang Melarang

Pandangan ini menegaskan orang bukan Islam tidak boleh memegang sebarang jawatan dalam kepimpinan kerajaan Islam. Antara ulama yang menolak pandangan pertama ialah Imam al-Haramayn (Abd al-Azim al-Diyb. 1988), Imam Ahmad bin Hanbal menurut satu riwayat dan Ibn al-Qayyim. Di antara sarjana Islam semasa yang menyokong aliran ini ialah ‘Abd. Al-Qādir Abū Fāris (1986). Mereka menganggap tindakan

ini sebagai suatu usaha mendapatkan bantuan orang bukan Islam dan membiarkan umat Islam dikuasai oleh mereka. Kalangan ulama lain ialah Ibn al-Munzīr, al-Jūjāzānī termasuk beberapa orang ulama lagi (Ibn Qudamah. 1972), Imam Mālik dalam satu riwayat dan satu pendapat daripada al-Shāfi‘ī (Al-Shawkani, 1993).

Aliran ini berpegang kepada ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith yang secara zahirnya melarang umat Islam melantik orang kafir sebagai pemimpin. Antaranya ialah:

Firman Allah dalam ayat 118 surah al-Imran bermaksud⁵:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengambil orang yang bukan di kalangan kamu sebagai orang yang dipercayai. Mereka tidak akan berhenti berusaha mendatangkan bencana kepada kamu. Mereka suka apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian mereka kepada pertuturan mulutnya dan apa yang disembunyikan dalam hati mereka lebih besar lagi. Sesungguhnya telah kami jelaskan kepada kamu keterangan-keterangan itu jika kamu mahu memahaminya”.

Firman Allah dalam ayat 28 surah al-Imran bermaksud⁶:

“Janganlah orang mukmin menjadikan orang kafir sebagai pemimpin selain dari kalangan mereka (orang Islam)”

Terdapat beberapa hadith yang meriwayatkan Rasulullah SAW enggan menerima bantuan dan kerjasama orang musyrikin terutamanya di dalam peperangan. Antaranya ialah riwayat Ibn Mājah daripada ‘Aishah r.a. berkata:

“Rasulullah SAW bersabda sesungguhnya kami tidak akan meminta bantuan orang Mushrik”⁷.

Ibn Kathīr menegaskan hadith dan ayat al-Quran tersebut sebagai bukti pengharaman perlantikan *ahl al-dhimmah* ke jabatan *kitābah* kerana jawatan tersebut mempunyai makna *al-Istitālah* (memegang rahsia) orang Islam. Ini akan menyebabkan segala urusan rahsia mereka (umat Islam) diperolehi oleh *ahl al-dhimmah* kerana kemungkinan rahsia-rahsia tersebut akan terlepas ke tangan musuh melalui mereka (Ibn Kathir, 1996).

Beberapa riwayat menjelaskan para sahabat r.a. telah menolak untuk bekerjasama dengan orang-orang Yahudi dan Kristian di dalam mengendalikan urusan pemerintahan kerajaan. Contohnya ‘Umar bin al-Khattāb enggan melantik seorang lelaki dari kaum al-Hīrah mempunyai

ingatan yang kuat dan memiliki kemahiran sebagai penulis (*kātib*) kerana perlantikan itu seolah menjadi *bitānah* (orang dalam) yang bukan kalangan orang Islam (Al-Jassas, t.th).

Asas-asas yang Membenarkan Penglibatan Bukan Islam dalam Pentadbiran Kerajaan

Pandangan majoriti fuqaha' yang membenarkan perlantikan orang bukan Islam lebih kuat dan bertepatan dengan realiti politik semasa tidak pernah menafikan kontrobusi rakyat bukan Islam dalam pembinaan tamadun Islam daripada semua aspek termasuk politik dan pemerintahan.

Perlantikan orang bukan Islam (*dhimmi*) sebagai pemimpin di negara Islam tidak menyalahi kehendak nas syarak. Kenyataan ini merujuk kepada ayat-ayat yang menyentuh perkataan *awliyā'*, dikhususkan dalam konteks mengadakan kerjasama politik dengan bukan Islam sehingga menggadaikan kemaslahatan Islam. Perkataan *kafirīn* pula dimaksudkan sebagai kafir harbi. Hal ini disebabkan nas-nas tersebut itu ditujukan khusus kepada orang kafir *harbi*. Sementara golongan *dhimmi*, kedudukan mereka telah dijelaskan oleh nas-nas lain yang menyatakan hukum sebaliknya seperti ayat 9 surah al-Mumtahanah.

Begitu juga dengan hadith-hadith yang berkaitan dengan *al-Isti'ānah bi al-Mushrikīn*, di mana faktor Baginda SAW menolak beberapa bantuan mereka berdasarkan kemaslahatan yang wujud sewaktu itu dan ia bukanlah menjadi sesuatu tindakan yang bersifat dasar yang tidak boleh langsung diijtihadkan. Hal ini dibuktikan sendiri oleh beberapa hadith lain yang meriwayatkan Baginda SAW pernah menerima bantuan orang bukan Islam seperti kisah Safwan bin Umayyah, Qazman dan Yahudi Khaybar dan lain-lain lagi.

Oleh itu ditegaskan bahawa penglibatan rakyat bukan Islam dalam kerajaan Islam tidak bercanggah dengan mana-mana nas syarak sama ada al-Quran dan Sunnah. Kepimpinan bukan Islam yang dibenarkan itu merupakan kepimpinan yang lahir hasil daripada kerjasama dan tolong-menolong dengan masyarakat Islam untuk membangunkan negara. Kepimpinan yang menekankan semangat seperti di atas sememangnya dibenarkan Islam.

Namun polisi tersebut bukanlah diamalkan secara mutlak sebaliknya mengambil kira beberapa asas berikut:

- i. Perlantikan tersebut hendaklah berdasarkan *Maslahah ‘Ammah* rakyat dan negara. *Maslahah* (keperluan) umum rakyat merangkumi segala tindakan kerajaan dalam meningkatkan taraf kehidupan sosial, ekonomi dan politik rakyat. Dalam konteks ini, eksploitasi segala bentuk kepakaran golongan bukan Islam bagi tujuan pemantapan pentadbiran negara di dalam bidang-bidang yang diperlukan boleh dianggap suatu masalah. Hakikat ini dibuktikan melalui pengamalan Baginda SAW dan para pemerintah Islam⁸.
- ii. Ia hendaklah menepati objektif syarak (*Maqāsīd al-Syarāh*). Ia dibolehkan jika benar kepakaran pemimpin bukan Islam di bidang kewangan dan pentadbiran misalnya dapat membantu kerajaan menguruskan segala harta rakyat dan meningkatkan taraf kehidupan mereka dari segi politik, sosial dan pendidikan. Dalam soal ini, kepakaran tersebut memantapkan tugas kerajaan dalam menjamin keselamatan jiwa (*Hifz al-Nafs*) dan harta (*Hifz al-Māl*) rakyat.
- iii. Selaras dengan prinsip kebebasan, keadilan dan kesamaan Islam. Perbezaan agama bukanlah alasan untuk membenarkan pemerintahan Islam berlaku zalim ke atas mereka. Menzalimi mereka dan mengetepikan hak-hak mereka adalah bertentangan dengan ruh keadilan Islam. Oleh itu, sebagai rakyat dalam negara Islam, orang bukan Islam berhak mendapatkan kebebasan untuk bersuara, bekerja, berorganisasi dan berpolitik mengikut lunas-lunas yang digariskan oleh prinsip kebebasan Islam. Di antara hak kebebasan tersebut ialah hak untuk turut terlibat di dalam perkhidmatan kerajaan. Mereka boleh menjawat sebarang jawatan dalam pemerintahan Islam kecuali jawatan-jawatan tertentu dan terpenting contohnya jawatan khalifah dan wazir al-tafwid⁹.
- iv. Pertimbangan berdasarkan ijtihad politik semasa. Pelaksanaan polisi ini berdasarkan ijtihad khalifah atau pemimpin yang mengambil kira keperluan dan kemaslahatan politik sewaktu itu. Kerajaan-kerajaan yang sezaman dengan Islam seperti kerajaan Rome dan Parsi tidak pernah memberikan hak yang sama kepada rakyat mereka yang berbeza agama. Malah berlaku juga di negara-negara bukan Islam pada zaman moden ini yang mempunyai minoriti rakyatnya beragama Islam dengan melakukan penindasan dan diskriminasi terhadap minoriti Islam seperti yang berlaku di negara-negara bekas jajahan Kesatuan Soviet sebelum keruntuhannya.

Dengan asas-asas yang dikemukakan, dapat dinyatakan di sini bahawa perbezaan yang berlaku di antara *fuqaha* berhubung dengan isu ini sebenarnya tidak bertentangan di antara satu sama lain kerana perbezaan itu tidak menyentuh aspek dasar dan prinsip. Mereka hanyalah melihat sejauh manakah penglibatan bukan Islam itu dapat mencapai kemaslahatan umat Islam atau adakah ia suatu masalah.

Syarat-syarat Penglibatan Orang Bukan Islam dalam Kerajaan

Selain daripada asas-asas seperti di atas, beberapa syarat lain perlu dipatuhi. Syarat-syarat itu amat penting sekali kerana proses ini berlaku dengan melibatkan dua pihak yang terbabit, iaitu kepimpinan Islam dan golongan bukan Islam. Ia juga melibatkan kepentingan politik umat Islam dan kerajaan apabila sesuatu jawatan itu diserahkan kepada bukan Islam. Sebahagian daripada syarat tersebut berkait dengan kepimpinan Islam dan sebahagian lagi khusus kepada individu bukan Islam itu sendiri.

Secara keseluruhannya penglibatan bukan Islam dalam kepimpinan negara Islam hendaklah tertakluk kepada dua syarat utama seperti berikut:

Syarat Pertama

Penglibatan bukan Islam hendaklah tidak menggugat kestabilan sistem pemerintahan dan terjamin daripada sebarang ancaman

Bagi menjamin kestabilan sistem politik dan kerajaan Islam maka calon ataupun individu bukan Islam yang dilantik sebagai pemimpin mestilah mempunyai kriteria seperti berikut;

- i. Memiliki kepakaran dan profesionalisme yang diperlukan¹⁰.
- ii. Menunjukkan kesetiaan dan ketaatan kepada kerajaan¹¹.
- iii. Bersikap jujur dan amanah dalam menjalankan tugas¹².
- iv. Pemantauan kerajaan ke atas setiap tindakan mereka¹³ dan berwaspada daripada tindakan sabotaj¹⁴

Syarat Kedua

Kepimpinan Utama Kerajaan Didominasi Umat Islam

Tujuan negara Islam ditegakkan adalah untuk melaksanakan segala ketentuan syariat Islam. Dalam menjalankan amanah serta kewajipan tersebut, kepimpinan Islam dipertanggungjawabkan dan diberikan peranan untuk menjamin segala kepentingan dan kedudukan umat Islam

dalam negara Islam tidak terjejas. Bagi merealisasikan tujuan tersebut, kepimpinan utama kerajaan mesti dikuasai umat Islam. Tindakan ini merupakan sesuatu yang selaras dengan objektif penubuhan negara Islam. Jika syarat ini tidak ditekankan, identiti kerajaan Islam sudah tentu hilang apabila ditadbir oleh majoriti pemimpinnya yang bukan Islam.

Jika dilihat kepada perbincangan fuqaha' mengenai hukum melantik dan syarat-syarat kepimpinan, prosedur dan tatacara pemilihan pemimpin, perlantikan dan perlucutan jawatan, tugas-tugas pemimpin terhadap Islam dan rakyat, sudah cukup untuk dirumuskan bahawa portfolio utama dalam kerajaan mestilah dimiliki umat Islam.

Oleh itu, ditegaskan bahawa perlantikan yang mencukupi syarat-syarat tersebut dibenarkan di dalam sebuah negara Islam yang diterajui oleh kepimpinan yang sentiasa memberikan komitmen yang tinggi ke arah *Hirasat al-Din wa Siyasat al-Dunya*. Tegasnya lagi perjalanan polisi ini dibenarkan jika ia berlaku dalam suasana yang terkawal.

Bidang Tugas Orang Bukan Islam dalam Kerajaan Islam

Perlantikan *ahl al-dhimmah* ke jawatan-jawatan kerajaan hanya dibolehkan di dalam jawatan yang berbentuk *al-Wilayah al-Khassah* sahaja. Tidak pernah terjadi dalam sejarah tamadun Islam mereka pernah dilantik ke jawatan-jawatan *al-Wilayah al-^cAmmah*. Kedua-dua kategori wilayah tersebut membentuk suatu pembayang (*clue*) kepada kita supaya dapat membezakan mana di antara jawatan-jawatan kepimpinan kerajaan pada hari ini boleh dikategorikan sebagai *al-Wilayah al-^cAmmah* ataupun *al-Wilayah al-Khassah*.

Pada hari ini, sudah tentulah jawatan-jawatan seperti Raja, Presiden, Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, dan kementerian-kementerian yang berkait dengan pelaksanaan undang-undang Islam, keselamatan dan kemaslahatan umat Islam serta yang strategik untuk kepentingan pada masa-masa akan datang bolehlah disifatkan mempunyai *al-Wilayah al-^cAmmah*, mesti dikuasai pemimpin Islam. Jawatan-jawatan lain seperti kesihatan, kebudayaan dan pelancongan, sukan, kemasyarakatan, Setiausaha Kementerian, Setiausaha Parlimen atau Setiausaha Politik, Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan lain-lain yang tidak menyangkut pentadbiran hal ehwal Islam disifatkan sebagai *al-Wilayah al-Khassah*. Jadi dalam bidang seperti ini orang bukan Islam boleh dilantik.

Jika diteliti kembali tentang sejarah penglibatan mereka, bidang perjawatan yang melibatkan orang-orang bukan Islam hanyalah

berlaku di dalam urusan-urusan yang tidak berkaitan dengan unsur-unsur keagamaan seperti sektor pentadbiran, kewangan, pendidikan, perubatan, perusahaan dan perindustrian.

Sejarah Penglibatan Orang Bukan Islam dalam Pemerintahan Islam

Zaman Pemerintahan Rasulullah SAW

Masyarakat Madinah terdiri di kalangan orang Islam dan bukan Islam¹⁵. Tradisi masyarakat majmuk ini sebenarnya telah lama menunjangi pemerintahan Nabi SAW Menyedari hakikat tentang perlunya diwujudkan perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat, Rasulullah SAW telah mengadakan suatu perjanjian atau piagam yang dikenali dengan *Sahīfah al-Madīnah*¹⁶ bagi mengkanunkan pelbagai hak dan tanggungjawab negara dan rakyat, polisi perhubungan di antara kaum dan dengan negara-negara luar. Melalui perjanjian tersebut, golongan masyarakat bukan Islam (iaitu *ahl al-Dhimmah*) akan menerima layanan yang adil dan saksama berlandaskan prinsip-prinsip asas yang ditekankan di dalam perjanjian tersebut (Lukman Thaib, 1998).

Menurut Mat Saad Abdul Rahman (1995), di atas dasar ini Rasulullah SAW telah meletakkan masyarakat bukan Islam sebagai rakan senegara kepada orang Islam di dalam sebuah negara yang dibinanya dan dengan itu Baginda sekaligus telah merealisasikan sikap toleransi yang tinggi sebagai langkah permulaan ke arah mengembangkan agama Islam dan tamadunnya.

Zaman Madinah ini dianggap peringkat awal bagi pembinaan tamadun Islam dengan dikelilingi persekitaran yang agak sederhana di samping sistem pentadbiran Rasulullah SAW tidak begitu memerlukan tenaga kerja yang banyak. Baginda SAW telah melantik sendiri beberapa orang sahabat menjadi wakil Baginda di jajahan kerajaan Madinah seperti Khālid bin al-ʿAs di Sanʿāʿ, al-Muhājir bin Abū Umaiyyah al-Makhzūmī di Kandah dan al-Sadf, Ziyād bin Umaiyyah di Hadharamaut dan sebagainya (Muhammad Abd al-Qadir, 1986).

Dalam melibatkan tenaga masyarakat bukan Islam ke dalam pentadbiran, penulis tidak menemui sebarang riwayat yang menerangkan Baginda SAW pernah melantik individu bukan Islam tertentu sebagai juru tulis (*kātib*), gabenor ataupun pemungut cukai *kharāj*. Tetapi terdapat beberapa peristiwa yang ada kaitan secara tidak langsung, dengan sektor

pentadbiran, pendidikan dan ketenteraan yang boleh dianggap sebagai membuka ruang untuk masyarakat bukan Islam menyumbangkan tenaga, fikiran, kemahiran, material dan juga fizikal.

Sewaktu berhijrah ke Madinah, Baginda SAW dan Abū Bakr meminta bantuan daripada seorang lelaki dari Banī al-Dayl yang bernama Abdullāh ibn Urayqad. Beliau menjadi juru petunjuk jalan kepada Rasulullah SAW walaupun tidak beragama Islam. Selain dari kepakaran tentang selok-belok perjalanan, beliau juga seorang yang dipercayai sehingga melaksanakan arahan Rasulullah SAW supaya datang ke gua Thur selepas tiga hari Baginda bertolak dari situ agar orang Quraysh tidak dapat mengesan perjalanan Baginda tersebut (Al-Dughmi, 1985).

Dalam peristiwa *al-Hudaibiyah* (6H/627M), Rasulullah SAW telah menghantar seorang perisik dari Banī Khuzā'ah yang bukan beragama Islam untuk memantau kekuatan pasukan Quraish. Lelaki itu dikenali sebagai Bishr ibn Sufyān (al-Buthi, 1991).

Sewaktu tercetusnya peperangan Hunayn (8H/630), Baginda SAW telah meminjam sebanyak seratus buah perisai daripada Safwān bin Umaiyah yang masih lagi tidak memeluk Islam sewaktu itu (Al-Bayhaqī, 1994; Abi Dāwud, 1988).

Sa'īd Ramadān (1991) di dalam karangannya, menyatakan Rasulullah pernah menghantar seorang wakilnya yang bernama 'Amr bin Umaiyah al-Damrī yang belum memeluk Islam sebagai duta kerajaan ke negeri Habshah.

Daripada contoh tindakan tersebut, dapat dilihat satu ruang penglibatan bukan Islam di dalam urusan negara telah terbuka di mana Rasulullah SAW telah memanfaatkan tenaga dan khidmat orang bukan Islam di dalam urusan-urusan tertentu. Walaupun begitu, penglibatan tersebut masih berada di tahap yang amat minima sekali.

Dalam konteks ini, beberapa rumusan boleh dibuat:

- i. Mungkin disebabkan orang bukan Islam pada waktu itu belum mencapai merit yang selayaknya, di samping pengurusan pentadbiran negara masih berada pada peringkat permulaan yang tidak memerlukan sumber tenaga kerja yang banyak.
- ii. Mungkin kerana sebahagian besar urusan pentadbiran negara, pertahanan dan sebagainya adalah ibadat bagi orang Islam. Maknanya dengan tenaga yang sedia ada sudah mencukupi untuk mengendalikannya tanpa menerima bantuan dari golongan bukan Islam. *Maslahah* daripada tindakan tersebut jika diambil, masih belum wujud dalam realiti pemerintahan.

Zaman *Khulafa' al-Rāshidīn*

Di sepanjang zaman pemerintahan ini, para khulafa telah menunjukkan gaya kepimpinan yang menarik sekali terutama dalam menyediakan pelbagai kemudahan asasi serta layanan yang baik terhadap rakyat bukan Islam. Segala hak dan keperluan seperti hak keselamatan awam, perlindungan jiwa dan harta, kebebasan beragama, berfikir, kesamarataan di sisi undang-undang dan sekalian hak-hak lain telah dinikmati oleh mereka bersama-sama dengan masyarakat yang beragama Islam¹⁷.

Para *Khulafa' al-Rāshidīn* meneruskan tradisi kepimpinan Rasulullah SAW dan pada zaman khalifah ʿUmar khususnya, sempadan geografi pemerintahan Islam telah meluasi di sekitar tanah Arab sehingga ke daerah-daerah luar seperti Sham dan Iraq. Sebaliknya, tidak kedapatan bukti-bukti kukuh yang menunjukkan golongan bukan Islam telah dilibatkan secara langsung oleh Umar di dalam menjalankan urusan negara.

Terdapat riwayat menyatakan khalifah ʿUmar telah menugaskan sebahagian tawanan perang Qisariyyah berkhidmat di bahagian pendaftaran negara dan pengurusan orang Islam (Zaydan, 1982; Rashid al-Ridha, 1993).

Pernah terjadi di zaman khalifah ʿUmar apabila salah seorang gabenornya di Iraq, Abū Mūsā al-Ashʿarī telah melantik seorang Yahudi yang bernama Samīr al-Yahūdī sebagai setiausaha (*kātib*) beliau. Kepercayaan yang diberikan sehingga ke tahap beliau menyerahkan kepada Yahudi tersebut urusan-urusan yang membabitkan soal kewangan. Apabila isu tersebut diajukan kepada khalifah, khalifah ʿUmar memerintahkan Abū Mūsā memecatnya, tetapi arahan tersebut ditolak oleh beliau dengan alasan-alasan tertentu (Abdul Monir, 1999). Antara alasan Abū Mūsā, pegawai berbangsa Yahudi itu mempunyai kepakaran dalam pentadbiran yang diperlukan dalam kerajaan Islam.

Masyarakat bukan Islam pada waktu ini melibatkan diri di dalam bidang ekonomi terutamanya pertanian. Selain itu mereka juga melibatkan diri di dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Orang Yahudi misalnya mengambil bahagian dalam perusahaan mencelup kain, menenun sutera, perusahaan barang-barang kaca dan pembinaan kapal (Mat Saad, 1995).

Peristiwa yang mengaitkan perlantikan orang bukan Islam ke beberapa jawatan kerajaan masih menunjukkan penglibatan yang bersifat sederhana dan berlaku dalam jumlah yang amat kecil sekali.

Bidang perjawatan mereka hanyalah bersekitar di dalam urusan-urusan yang tidak berkaitan dengan unsur-unsur keagamaan.

Zaman Kerajaan Umaiyyah

Para khulafak Bani Umawiyah bolehlah dianggap sebagai perintis kepada satu suasana baru di dalam hubungan pemerintah dengan rakyat bukan Islam kerana secara terang-terang telah membuka ruang yang lebih luas untuk mereka berperanan di dalam bidang pendidikan, perkhidmatan peribadi dan pentadbiran negara (Abdul Monir, 1999). Keluasan kawasan yang diperintah oleh kerajaan Islam banyak terdiri daripada jajahan-jajahan yang sebelum itu dikuasai oleh kerajaan asing. Banyak wilayah bukan Islam telah ditakluk oleh kerajaan Islam di peringkat ini.

Di dalam bidang pendidikan misalnya, para khulafak Bani Umaiyyah amat berminat menyerahkan anak-anak mereka untuk dididik oleh pendeta-pendeta beragama Kristian. Mu'āwiyah bin Abū Sufyān sendiri menyerahkan puteranya Yazid kepada seorang pendidik Kristian. Selepas itu, apabila Yazid memerintah, beliau turut menyerahkan putera lakinya Khālid untuk diasuh oleh seorang kahin. Khalifah Sulaimān bin 'Abd. al-Malik telah mempunyai seorang juru tulis yang beragama Kristian yang dikenali sebagai Ibn al-Naqā. Beliau ditugaskan memelihara dan membesarkan anak-anak khalifah (Zaydan, 1982). Mu'āwiyah juga mempunyai seorang setiausaha yang bernama Sargeon iaitu seorang yang beragama Kristian (al-Qaradhawi, 1985).

Sikap toleransi yang lebih menarik lagi ditonjolkan oleh pemerintah Islam yang membuka beberapa kawasan seperti Mesir apabila mengekalkan pegawai-pegawai bukan Islam di jabatan masing-masing. Di antara mereka ialah Minas yang sebelum itu dilantik oleh Heraclius sebagai pegawai di kawasan sebelah utara Mesir (Zaydan, 1982).

Athnadius merupakan kalangan individu bukan Islam yang terkenal di Mesir sewaktu pemerintahan Bani Umaiyyah, yang bekerja di beberapa jabatan kerajaan sehingga ke peringkat pengarah kepada jabatan-jabatan kerajaan di Iskandariyyah. Budaya melantik bukan Islam ke dalam jawatan kerajaan telah menjadi kebiasaan kepada pemerintah Bani Umaiyyah sehingga boleh dikatakan jarang didapati jabatan yang tiada pekerja dari kalangan orang Kristian (Mat Saad, 1995).

Khalifah 'Abd. al-Malik bin Marwān (65-86H/685-705M) telah menyerahkan tugas mengeluarkan wang dirham semasa pemerintahannya kepada seorang pembantunya yang bernama Samīr al-Yahūdī yang berketurunan dan beragama Yahudi (Sadiq Afifi, 1980).

Zaman Kerajaan ʿAbbasiyyah

Pada zaman kerajaan ʿAbbāsiyyah juga menyaksikan golongan bukan Islam yang dilibatkan oleh khalifah secara langsung di dalam pentadbiran dalam urusan yang lebih luas. Disebabkan sikap yang agak terbuka ini, ramai di antara orang Kristian yang memegang beberapa jawatan tinggi dalam kerajaan.

Khalifah Abū Jaʿfar al-Mansūr di antara pemerintah Islam yang menerima khidmat *ahl al-Dhimmah*. Di antaranya al-Khasīb sebagai doktor peribadi beliau yang beragama Kristian. Kemudiannya diganti oleh Jarjis bin Bakhtishuʿ dan selepas itu Jarjis meninggalkan muridnya yang bernama ʿIsā bin Shahlathā. Kebebasan yang diberikan oleh al-Mansūr kepada beliau digunakan bagi mencampuri urusan kabilah Nestorian sehingga menguasainya termasuk pengurusan cukai kharaj.

Di luar istana khalifah, pegawai-pegawai kharaj kebanyakannya terdiri daripada golongan *ahl al-Dhimmah*. Antara mereka ialah Mūsā al-Yahudi yang dilantik sebagai pegawai kewangan di kawasan *al-Sawād*. Khalifah juga mewakilkan kepada mereka hak untuk merampas harta Bani Umaiyah sehingga mereka bertindak dengan penuh berani (Shakir Mustafa, t.th.).

Golongan bukan Islam di zaman ini juga terlibat di dalam bidang perubatan dan astronomi selain daripada pengurusan *kharaj* dan kesetiausahaan. Teofil bin Tūmā, seorang yang beragama Kristian menjadi ketua pakar astronomi al-Mahdī. Harūn al-Rashīd melantik Yuhanna bin Masaweh sebagai penterjemah kitab-kitab perubatan kuno dan khidmat beliau berterusan sehingga ke zaman al-Mutawakkil. Khalifah al-Rashīd juga melantik kalangan bukan Islam sebagai anggota penterjemah di Bait al-Hikmah seperti Yuhanna bin Māsarjis, Abū Zaid Hunayn bin Ishāq al-ʿUbādī, anaknya Ishāq dan Hubaysh al-ʿAsam al-Dimashqī (Shakir Mustafa, t.th.).

Di antara pegawai-pegawai kewangan (*Katib*) kalangan bukan Islam pada zaman khalifah Maʿmun ialah Ismaʿil bin Dawud, Kaʿan Yaʿkūb dan Wahab yang keduanya berbangsa Nastorean. Pegawai Baitul-Mal beliau bernama Ibrahim. Dikatakan bilangan *ahl al-Dhimmah* di jabatan-jabatan Maʿmun di Baghdad dan kawasan *al-Sawad* seramai 2800 orang termasuk pekerja-pekerja Yahudi di segenap sektor kerajaan (Shakir Mustafa, t.th.).

Sebagai contoh, Abū Ishāq al-Sabi telah dilantik memegang jawatan setiausaha kerajaan (*kātib*), Thābit bin Qurrah telah dilantik menjadi menteri kepada khalifah al-Muʿtadid (279-289H/892-902M) dan Nasr bin

Harūn menjawat sebagai menteri kepada °Adud al-Dawlah al-Buwayhī (367-372H/978-983M). Begitu juga dengan seorang *Dhimmi* yang bernama °Isa bin Nastur (380 H) (Zaydan, 1982).

Selain daripada mereka terdapat beberapa individu yang muncul di dalam istana para khulafak, seperti Jibrīl, Salamiyyah, Hunain bin Ishāq dan Yuhanna bin Masaweh. Kesemua mereka adalah *ahl al-Dhimmah* yang beragama Kristian.

Khalifah al-Mutawakkil (232-247H/847-861M) telah menggunakan tenaga beberapa orang pegawai beragama Kristian di dalam pentadbirannya, di antara mereka ialah Dalil bin Ya°qūb al-Nasrānī. Khalifah al-Muqtadir (295-320H/908-932M) mempunyai empat orang setiausaha beragama Kristian. Menteri beliau, iaitu al-Hasan bin Qāsīm, seorang yang rapat pergaulannya dengan orang Kristian yang berkhidmat sebagai setiausaha kerajaan dan beliau melayan mereka dengan baik. Khalifah al-Tāi° (363-381H/974-991M) juga mempunyai seorang setiausaha beragama Kristian.

Menurut Triton, seorang ahli sejarah Barat, di antara sikap toleransi pemimpin kerajaan Islam terhadap golongan *dhimmi* menjadikan sebahagian daripada mereka mempunyai kedudukan yang tinggi dalam kerajaan seperti Ibrahim bin Hilal. Pencapaian beliau mendapat pujian para penyair sehinggakan °Izz al-Dīn Bakhtiyar al-Buwaihī ingin melantik beliau sebagai menteri jika bersetuju memeluk Islam. Ibrahim juga mempunyai hubungan baik dengan masyarakat Islam dan beliau juga pernah menghafaz al-Quran (Al-Qaradhawi, 1985).

Seorang sarjana Barat, Adam Smitz, dalam bukunya *al-Hadārat al-Islāmiyyah fi al-Qarn al-Rābi' al-Hijrī* menyatakan di antara perkara yang menghairankan ialah banyaknya bilangan pekerja dan pengurus yang bukan Islam di dalam kerajaan Islam sehingga orang Kristian memerintah orang-orang Islam di dalam negara Islam (al-Qaradhawi, 1985).

Zaman Kerajaan °Uthmaniyyah

Zaman pemerintahan kerajaan °Uthmaniyyah Turki juga didapati tidak terlepas daripada amalan yang sama dengan pemerintah sebelumnya. Mereka dengan sikap yang terbuka telah mengambil ramai orang bukan Islam bekerja di dalam pelbagai jawatan penting kerajaan. Ia juga telah melantik kebanyakan rakyatnya yang beragama Kristian sebagai duta ataupun perwakilan kerajaan ke negara-negara asing (Rashid Ridha, 1993). Di akhir zamannya, pihak kerajaan telah menyerahkan banyak

jawatan-jawatan penting dan sensitif kepada rakyat yang bukan Islam, dan kebanyakan diplomatnya di negara-negara asing terdiri bukan di kalangan orang Islam (al-Qaradhawi, 1985).

Terdapat beberapa contoh sejarah yang menunjukkan penglibatan rakyat bukan Islam sehingga menjadi unsur-unsur penting dalam kekuatan tentera kerajaan °Uthmaniyyah misalnya penglibatan penduduk Migaris, iaitu sekumpulan Kristian Albania yang bertindak sebagai pengawal kepada laluan di bukit-bukit Cithaeron dan Geraned yang menuju ke Teluk Corith. Sebahagian mereka ada yang terlibat sebagai barisan hadapan kepada pasukan tentera pemerintah. Tugas mereka ialah membaiki jalan raya dan membina jambatan yang akan dilalui oleh sahabat mereka. Begitu juga dengan penglibatan sepasukan tentera bersenjata yang lain daripada penduduk Kristian Katholik kawasan pergunungan di utara Scutari, Albania, yang dikenali sebagai orang Mirdites. Dengan penglibatan ini mereka dikecualikan dari membayar cukai *jizyah* kepada kerajaan (al-Qaradhawi, 1985).

Perkembangan selepas era Khulafa' al-Rāshidīn, memperlihatkan amalan melantik orang bukan Islam ke dalam beberapa jawatan kerajaan berlaku secara meluas. Toleransi politik kerajaan Umaiyyah dan °Abbasiyyah nyata berbeza daripada amalan para khulafak al-Rasyidin sebelum itu. Namun skop perlantikan orang bukan Islam itu hanya bersangkutan dengan soal pentadbiran kewangan seperti pengurusan cukai kharaj termasuk pengurusan pentadbiran seperti tugas kesetiausahaan di jabatan-jabatan kerajaan yang terletak seperti di wilayah Iran, al-Jazīrah, al-Sawād dan Mesir (Shakir Mustafa, t.th.).

Merujuk kepada fakta-fakta seperti dinyatakan sebelum ini, penulis tidak menemui bukti menunjukkan para pemerintah Islam membenarkan jawatan penting kerajaan yang berasaskan keagamaan seperti kementerian perundangan (*Tashrī'iyah*), kehakiman (*Qadā'iyah*), ketenteraan dan sektor-sektor yang berkaitan seperti itu dijawat oleh golongan *ahl al-Dhimmah*.

Ibn al-Qayyim (1961) mencatatkan dalam bukunya *Ahkam Ahl al-Dhimmah*, di sebalik sikap toleransi para khulafak dalam isu ini, pernah terjadi perlucutan jawatan mereka apabila liberalisasi politik tersebut disalahguna sehingga dalam beberapa keadaan memaksa khalifah bertindak tegas akibat rungutan dan aduan oleh rakyat Islam yang tertindas akibat sikap tidak baik pegawai-pegawai bukan Islam.

Dalam dua keadaan seperti yang dinyatakan di atas, kecenderungan yang menjadi amalan khalifah bukanlah suatu dasar rasmi yang bersifat statik. Ia bergantung sepenuhnya pada pemantauan khalifah berdasarkan

masalah yang melihat kepada sudut-sudut tertentu. Keadaan ini telah dijelaskan oleh Ibn al-Qayyim di dalam kitab *Ahkām ahl al-Dhimmah* di mana pernah berlaku peristiwa pemecatan secara besar-besaran oleh pihak kerajaan yang melibatkan pegawai-pegawai *Dhimmi* (Ibn al-Qayyim, 1961).

Penulis juga melihat faktor percambahan tenaga bukan Islam di zaman kerajaan *‘Uthmāniyyah* sebagai wakil-wakil kerajaan seperti yang dinyatakan oleh Rashid al-Ridhā bukanlah suatu amalan yang asing kerana kedudukan geografi kerajaan terbabit terletak di negara-negara Eropah yang bukan Islam. Apatah lagi kondisi sosial dan demografi penduduk di persekitarannya terbentuk daripada masyarakat Eropah yang beragama Kristian, sebagai rakyat kepada negara-negara sekutu kerajaan *‘Uthmāniyyah*.

Kesimpulan

Isu perlantikan bukan Islam sebagai pemimpin merupakan persoalan *ijtihadiyyah siyasiyyah* tertakluk kepada *Maslahah ‘Ammah* yang dipantau ketua kerajaan Islam. Justeru itu isu ini bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa di mana ia merupakan polisi yang berubah-ubah. Hal ini sejajar dengan kaedah Fiqh yang menyebut *Tasarruf al-Imam Manut Bi al-Maslahah* (Tindakan pemerintah tertakluk kepada kemaslahatan) dan kaedah *Taghayyur al-Ahkam bi Taghayyur al-Azminah wa al-Amakin* (Perubahan hukum disebabkan perubahan zaman dan tempat).

Perbincangan tentang isu-isu kepimpinan dan politik Islam perlu dihalusi dengan tepat dan yang penting sekali ialah disesuaikan dengan lokaliti setempat. Selain daripada pengambilkiraan *maslahah*, ia perlulah memberikan perhatian kepada nilai-nilai setempat yang mempunyai kesannya tersendiri dalam pembentukan hukum. Adalah tidak wajar diketepikan masalah masyarakat majmuk, sistem multi-parti politik, komposisi penduduk Islam dan bukan Islam, kedudukan dan hak-hak rakyat bukan Islam yang melibatkan sosio/ekonomi-politik, Demokrasi Berparlimen yang menjadi sistem politik kerajaan, dan sebagainya yang menjadi asas-asas penting dalam infra-politik Malaysia. Walau bagaimanapun, pandangan fuqaha’ silam boleh menjadi rujukan asas dalam konteks pembinaan tamadun Malaysia yang tidak boleh dipisahkan daripada pengaruh Islam.

Hubung kait antara huraian nas dan analisis ijtihad ulama silam dengan realiti politik Malaysia, dapat membantu masyarakat Islam

memahami pandangan Islam dengan jelas berhubung satu-satu isu. Oleh itu diharapkan penulisan ini dapat merungkaikan serba sedikit kekusutan dalam menanggapi pandangan Islam tentang hukum perlantikan orang bukan Islam sebagai pemimpin dalam negara Islam.

Nota Hujung

- ¹ Al-Bukhārī, Muḥammad ibn ʿIsmāʿil, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Muṣṭafā Dīb Bughā. *Thq.*, Dār Ibn Kathīr : Bayrūt, 1987 M./1407 H., cet. ke-3, jil. II, hlm. 790. Matannya berbunyi:

و استأجر النبي صلى الله عليه و سلم و ابو بكر رجلا من بني الدليل وهو على دين كفار
قريش هاديا

- ² Al-Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Muḥammad ʿAlī ʿAtā *Thq.*, Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah : Bayrūt, jil. VI, 1994 M./1414 H., (No.11257), hlm. 147 ; Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwud*, Dār al-Jayl : Bayrūt, 1988 M./1408 H., jil. III, (No.3562), hlm. 294. Matannya berbunyi:

وقد كان ذكر لرسول الله أن عند صفوان بن أمية ادراعا و أسلحة فأرسل اليه وهو يومئذ
مشرك فطلب منه تلك الدروع و الأسلحة فقال أغضب يا محمد ؟ قال بل عارية مضمونة
حتى تؤديها اليك فأعطاه مائة درع بما يكفيه من السلاح

- ³ Abū Yaʿlā, hlm. 32. Matannya berbunyi:

لا يعطى من الصدقة لكافر و لا عبد الا أن يكونوا من العاملين فيعطوا بحق ما عملوا

- ⁴ Al-Shawkānī, Muḥammad ibn ʿAlī, *Nayl al-Awūṭār*, ʿIṣām al-Dīn al-Ṣabābuṭī *thq.*, Dār al-Hadīth: Kaherah, juz VI, 1993 M./1413 H., hlm. 265. Matannya berbunyi:

ان الله ليؤزر هذا الدين بالرجل الفاجر

- ⁵ Fiman Allah yang berbunyi:

يأيها الذين آمنوا لا تتخذوا بطانة من دونكم لا يألونكم خبالا ودوا ما عنتم قد بدت
البغضاء من أفواههم و ما تخفي صدورهم أكبر قد بينا لكم الآيات لعلكم تعقلون

- ⁶ Firman Allah yang berbunyi:

لا يتخذ المؤمنون الكافرين أولياء من دون المؤمنين

⁷ Matannya berbunyi:

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : انا لا نستعين بمشرك

- ⁸ Sejarah pemerintahan Islam membuktikan ramai di kalangan bukan Islam (*dhimmi*) telah dilantik sebagai *kātib* dan *wazīr al-tanfīz* kerana mereka memiliki beberapa kelebihan seperti kemahiran mengaudit, menulis, merekod dan mengemaskinikan dokumen-dokumen kerajaan serta pengalaman pentadbiran yang mereka kuasai sebelum itu. Maka tidak hairanlah Abū Musā al-Ash°arī dan Mu°āwiyah mempunyai setiausaha (*kātib*) bukan Islam dan Athnadius pula telah dikekalkan jawatannya oleh °Amr bin al-°Aş selepas beliau membuka Mesir. Kepakaran yang dieksploitasi tersebut merupakan *maşlahah* bagi negara Islam. Penerimaan yang berasaskan elemen *maşlahah* ini juga telah ditunjukkan oleh Baginda SAW yang memanfaatkan kemahiran mengintip kekuatan musuh oleh seorang kafir berbangsa Quraysh. Walaupun begitu tidak dinafikan, oleh kerana disebabkan masalah juga Baginda SAW telah menolak tawaran kerjasama daripada golongan *mushrikīn* dalam peperangannya seperti yang disebut dalam hadith riwayat °A°ishah r.a.
- ⁹ Sila rujuk Mohd. Hapiz Mahaiyadin, **Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Shar°iyyah**, Disertasi M.Sh, Universiti Malaya, 2001. Dinyatakan di dalam fasal 3.4 bab 3 secara terperinci tentang sejarah penglibatan bukan Islam dalam kerajaan Islam yang bermula dari zaman Rasulullah SAW sehinggalah ke zaman kerajaan °Uthmaniyyah Turki.
- ¹⁰ Asas syarat ialah tindakan Rasulullah SAW melantik lelaki Bani al-Dayl sebagai pengintip Baginda kerana mempunyai kemahiran mengintip dan sebab para khulafak Islam melantik *ahl al-dhimmah* menjadi *kātib* dan pegawai *kharaj*, kerana kepakaran mereka terutama di bidang penulisan dan kewangan.
- ¹¹ Ayat 75 surah al-°Imran dan ayat 8 surah al-Mumtahanah menjadikan sifat jujur dan amanah sebagai asas membenarkan umat Islam menaruh kepercayaan kepada bukan Islam dalam sebuah negara Islam kerana kehidupan sosial ini adalah hak milik bersama seluruh rakyat negara Islam.
- ¹² Al-Māwardī meletakkan faktor kejujuran sebagai salah satu kriteria utama selain faktor pengalaman dan kepakaran, untuk melantik mereka sebagai *Wazīr al-Tanfīz*. Ia sebagai satu standard yang digunakan untuk pengesahan jawatan sebagaimana syarat keislaman dikenakan ke atas pemimpin Islam.

- ¹³ Pemantauan ke atas tindakan mereka mesti dijalankan setiap masa. Jika ada di antara tindakan mereka yang menyusahkan masyarakat Islam, maka pihak kerajaan tidak boleh teragak-agak untuk mengambil tindakan. Fenomena ini telah berlaku pada zaman al-Mahdī, al-Rashīd, al-Ma'mūn, al-Mutawakkil dan sebagainya. Penglibatan bukan Islam di dalam jabatan-jabatan kerajaan telah dipantau (*muraqabah*) oleh pihak kerajaan dan golongan yang berpengaruh di kalangan masyarakat Islam seperti ulama. Untuk maklumat yang lebih lanjut, sila rujuk Ibn al-Qayyim, *Aḥkām Ahl al-Dhimmah*.
- ¹⁴ Bagi menjamin kestabilan kerajaan Islam, sebahagian *fuqaha* seperti golongan *Shaḥīḥi* mensyaratkan jika perbuatan khianat dan pembelotan berlaku ia mestilah tidak menjejaskan kekuatan politik Islam. Dalam maksud lain, kerajaan Islam boleh wujud walaupun tanpa penglibatan mereka.
- ¹⁵ Rakyat Madinah terdiri daripada multi etnik. Aus dan Khajraz dua suku terbesar yang terkenal sebelum kedatangan Rasulullah SAW seterusnya kaum Yahudi yang terdiri daripada Bani Qaynuqa^c, Bani Qurayzah dan Bani Naḍīr. Antara mereka ada yang menjadi sekutu kepada kedua-dua suku Aus dan Khazrāj.
- ¹⁶ Perlembangan Madinah mengandungi dua bahagian. Bahagian pertama mempunyai 23 fasal. Ia menyentuh tentang perhubungan antara Muhajirin dan Ansar, manakala 24 fasal lagi merupakan peruntukan-peruntukan yang berhubungan dengan hak dan kewajipan orang Yahudi. Kesemuanya ialah 47 fasal, tetapi menurut Profesor Ḥamīdullah jumlahnya ialah 52 fasal: bahagian pertama mengandungi 25 fasal dan bahagian kedua 27 fasal. Lukman Thaib, *op.cit.*, hlm. 68.
- ¹⁷ Khalifah °Umar berpesan kepada pemerintah selepasnya agar berlaku baik kepada golongan *Dhimmi* walaupun beliau sedang parah selepas ditikam oleh Abū Lu'lu' yang beragama Majusi. Khalifah °Ali pernah dihadapkan ke mahkamah setelah mendakwa baju perangnya dicuri oleh seorang Yahudi. Walaupun beliau yakin baju tersebut memang menjadi miliknya, namun dengan ketiadaan bukti yang kukuh, beliau akur dengan keputusan mahkamah dengan menyerahkan hak milik baju tersebut kepada lelaki Yahudi.

Bibliografi

- Abdul Monir Yaacob (Dr.) pnyt. (1999). *Prinsip-prinsip Pemerintahan Dalam Masyarakat Majmuk*, IKIM: Kuala Lumpur.
- Abū Dawūd, *Sunan Abī Dāwud*, Dār al-Jayl: Bayrūt, 1988 M./1408 H., jil. III,
- Adam Smitz. (1985). *al-Hadārah al-Islāmiyyah fī al-Qarn al-Rābi' al-Hijrī*, dlm al-Qaradāwī, *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*, Mat Saat Abd. Rahman, terj., Bahagian Hal Ehwal Islam JPM: Kuala Lumpur.
- Baghdādī, (1981). *Usūluddīn*, Lujnah Ihyā' al-Turāth al-°Arabī pnyt, Dār al-Afāq al-Jadīdah: Bayrūt.
- Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Muhammad °Abd. al-Qādir °Atā, Dār al-Kutub al-Ilmiah: Bayrūt, 1994-1414.
- Bayhaqī, *al-Sunan al-Kubrā*, Muhammad °Alī °Atā *Thq.*, Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah: Bayrūt, jil. VI, 1994 M./1414 H.
- Bukhārī, Muhammad ibn °Isma'īl, *Sahih al-Bukhari*, Mustafa Dib Bugha. *Thq.*, Dar Ibn Kathir: Bayrut, 1987 M./1407 H., cet. ke-3, jil. II.
- Būti, Sa'īd Ramadān, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawiyyah*, Dār al-Fikr: Dimashq, ed. ke 11, 1991 M./1412 H.
- °Abd. al-Karīm Zaydān, *Ahkām al-Dhimmiyyīn Wā al-Musta'minīn Fī al-Islām*, Muassasah al-Risālah: Bayrūt, 1982 M/1402 H.
- Diya' al-Din al-Rays, *al-Nazāriyyat al-Siyāsiyyah al-Islāmiyyah*, Maktabah Dar al-Turath: Kaherah, cet. Ke-6.
- Farrā', *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Muhammad Hamid al-Fāqī, pnyt, Maktabah Ahmad bin Saad bin Nubhan: Surabaya, cet. ke-3, 1924.
- Ibn al-Qayyim, *Ahkām Ahl al-Dhimmah*, Subhī Sālih pnyt, Matba'ah Jāmi'ah Dimashq, 1961M./1381H, jil I.

- Ibn Hazm, *al-Fasl fī al-Milal wā al-Nihal*, Dr. Abd. Al-Rahmān °Umayrah thq., Dār al-Jayl: Bayrūt, jil. IV, t.th.
- Ibn Kathīr, Abu Isma°il *Tafsīr al-Qurān al-°Azīm*, al-Maktabah al-°Asriyyah: Bayrut, jil. II, 1996 M./1416H.
- Ibn Khaldūn, °Abd. al-Rahman, *Muqaddimah Ibn Khaldun*, Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah: Bayrūt, 1993 M./1413 H.
- Ibn Qudāmah, *al-Mughnī*, Dār al-Kitāb al-°Arabi: Bayrūt, juz X, 1972 M./1392 H.
- Jassās, *Ahkām al-Qurān*, Dar al-Kitāb al-°Arabī: Bayrūt, jil II, t.th.
- Juwaynī, *al-Irshād Fi Qawāti° al-Adillah*, Dr. Muhammad Yusof Musa. *Thq.*, Matba°ah al-Sa°adah: Kaherah, 1950.
- Juwaynī, *al-Irshād*, Dr. Muhammad Yūsof Mūsā *edit*, Matba°ah al-Sa°ādah: Kaherah, 1950.
- Lukman Thaib. 1998. *Politik Menurut Perspektif Islam*. Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.
- Mat Saad Abd. Rahman. (1995). *Pemerintahan Islam Dalam Masyarakat Majmuk*, IKIM: Kuala Lumpur.
- Māwardī, *al-Ahkām al-Sultāniyyah*, Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah: Bayrūt, t.th.
- Mohd. Hapiz Mahaiyadin. (2001). *Kepimpinan Orang Bukan Islam Dalam Negara Islam Menurut Perspektif Siasah Shar'iyah*, Disertasi M.Sh, Universiti Malaya, 2001.
- Muhammad al-Sādiq °Afīfī, *al-Mujtama° al-Islāmī wa Usūl al-Hukm*, Dār al-I°tisam: Kaherah, 1980 M./1400. H.
- Muhammad °Abd. al-Qādir Abū Fāris, *al-Nizām al-Siyāsī Fī al-Islām*, Dar al-Furqān: Oman, ed. ke-3, 1986-1405.

Muhammad Fārūq al-Nubhānī, *Nizām al-Hukm Fī al-Islām*, Mu'assasah al-Risālah: Bayrūt, cet. ke-2, 1988 M./1408 H.

Muhammad Rākān al-Dughmī, *al-Tajassus wa Ahkāmuhu fī ak-Sharī'ah al-Islāmiyyah*, Dār al-Salām: Kaherah, ed. ke-2, 1985 M./1406 H.

Muhammad Salām Madkūr, *Ma'ālim al-Dawlah al-Islāmiyyah*, Maktabah al-Falāh: Kuwayt, 1983 M./1403 H.

Muhammad Yūsof Mūsa, *Nizām al-Hukm Fi al-Islām*, Dār al-Fikr al-^oArabī, t.tp., t.th.

Nawāwī, *al-Majmū'c*, Dār al-Fikr: Bayrūt, t.th., jil. XIX.

Rashīd al-Ridā, *Tafsīr al-Manār*, Dār al-Ma'rifah: Bayrūt, jil. IV, 1993 M./1414 H.

Rashid Rida, *al-Khilafah*, dlm. Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Dar al-Fikr: Dimashq, 1989 M., Jil. VI

Saīd Ramadhān. (1991). *Undang-undang Islam: Skop dan Ekuiti*, Abdul Halim Abdullah terj., DBP: Kuala Lumpur, ed. ke-2.

Shākir Mustafā, *Dawlah Banī al-^oAbbās*, Wakālat al-Matbū'ah : Kuwayt, t.th., jil. II.

Syawkānī, *Nayl al-Awtār*, ^oIsām al-Dīn al-Sobābutī *thq.*, Dār al-Hadith: Kaherah, jil. VII, 1993 M./1413 H.

Yūsof al-Qaradāwī, *Ghayr al-Muslimīn Fī al-Mujtama' al-Islāmī*, Mu'assasah al-Risalah: Bayrūt, cet. ke-2, 1983 M./1404 H.

al-Qaradāwī. (1985). *Kedudukan Non Muslim Dalam Negara Islam*, Mat Saat Abd. Rahman, terj., Bahagian Hal Ehwal Islam JPM: Kuala Lumpur.